

25/02/2003

Sidang dijangka berakhir menjelang lewat malam

SIDANG Kemuncak NAM ke-13 dijangka berakhir menjelang lewat malam ini kerana ramai pemimpin dari 116 negara anggota mahu mengambil bahagian pada sidang pleno.

Difahamkan, sekurang-kurangnya 106 pemimpin mahu berucap pada sidang pleno itu yang bermula sejak jam 1.30 petang semalam sehingga ditangguhkan pada jam 7.30 petang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan sidang itu berkata, masih ramai pemimpin yang belum berucap dan mereka diberi pilihan sama ada meneruskan ucapan itu hari ini atau mengemukakan dalam bentuk kenyataan bagi tatapan pemimpin lain.

"Ini terpulang kepada anda. Esok adalah hari yang agak panjang bermula jam 8.30 pagi sebelum ditangguh sejam pada jam 1 petang untuk makan.

"Kemudian sidang pleno diteruskan sehingga habis mesyuarat," katanya sebelum menangguhkan sidang hari pertama itu petang semalam.

Hari ini, empat dokumen akan dikeluarkan iaitu Dokumen Akhir, Deklarasi

Kuala Lumpur serta dua kenyataan berasingan masing-masing mengenai Palestin dan Iraq.

Selepas sidang ditangguhkan malam tadi, Perdana Menteri mengadakan jamuan untuk pemimpin NAM di Hotel Palace of The Golden Horses.

Selain mempengerusikan mesyuarat semalam, Perdana Menteri turut mengadakan perjumpaan dua hala dengan 11 pemimpin.

Ketika itu, tempatnya sebagai pengerusi sidang diambil alih oleh timbalan pengerusi, Nina Pacari Vega yang juga Menteri Luar Ecuador.

Pemimpin pertama yang mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir semalam ialah Presiden Pakistan, Pervez Musharraf diikuti Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo; Perdana Menteri Bahrain, Shaikh Khalifa Salman Al-Khalifa; Presiden Timor Leste, Xanana Gusmao dan Presiden Algeria, Abdelaziz Bouteflika.

Beliau kemudian bertemu Presiden Afghanistan, Abdul Hamid Karzai; Presiden Sri Lanka, Chandrika Bandaranaike Kumaratunga; Presiden Vietnam, Tran Duc Luong; Perdana Menteri Bangladesh, Begum Khaleda Zia dan Perdana Menteri, Lubnan Rafic Hariri.

Perbincangan dua hala Dr Mahathir bagi hari ini berakhir dengan perjumpaan dengan Presiden Perhimpunan Agung Rakyat Korea Utara, Kim Yong Nam.